

## Benarkah Media Malaysia Berat Sebelah? Analisis Pelaporan Berita Pilihan Raya Umum Ke 15 oleh Portal Berita Dalam Talian di Malaysia

SUHANA BINTI SAAD  
SHAHRUL NAZMI SANNUSI  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Kajian ini menganalisis liputan portal berita dalam talian semasa kempen pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15 (PRU15) pada 20 November 2022. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti kecenderungan media berat sebelah portal berita dalam talian terhadap parti-parti politik yang mewakili kerajaan dan pembangkang semasa tempoh kempen pilihan raya bagi mengukur tahap bias setiap portal berita. Terdapat dua jenis portal berita dipilih untuk penyelidikan ini iaitu portal berita dalam talian (1) arus perdana, iaitu The Star Online, Berita Harian Online, Bernama Online, Berita Radio Televisyen Malaysia, Harian Metro Online, Sinar Harian Online, Utusan Online dan The Malay Mail; dan (2) berita alternatif portal yang terdiri daripada penerbitan portal berita bebas iaitu Astro Awani, The Malaysian Insider, Free Malaysia Today dan Malaysiakini. Kajian ini telah dijalankan bermula dari hari penamaan calon pada 05 November 2022 sehingga hari pengundian pada 19 November 2022. Setiap artikel dikodkan dan dilabelkan sebagai positif, negatif atau neutral liputan untuk setiap parti politik. Kaedah Analisis Kandungan telah digunakan di mana penyelidik memilih dan menganalisis setiap artikel pilihan raya dan meletakkannya dalam 3 kategori untuk menjelaskan arah berat sebelah iaitu kerajaan, pembangkang dan neutral. Hasil kajian menunjukkan kesemua liputan berita memaparkan imej organisasi berita masing-masing di mana pelaporan media arus perdana mendominasi berita arah kerajaan manakala media alternatif lebih seimbang kecuali Malaysiakini. Paparan arah media berat sebelah jelas menunjukkan bahawa liputan yang disampaikan kepada masyarakat adalah saling melengkapi untuk kedua-dua parti kerajaan dan bukan kerajaan.

**Kata kunci:** *Pilihan raya umum, berita dalam talian, berita alternatif, parti politik, media berat sebelah.*

## Is it true that Malaysian media is biased? Analysis of 15th General Election News Reporting By Online News Portal in Malaysia

### ABSTRACT

This study analyzed the coverage of online news portals during the election campaign in the 15th Malaysian General Election (GE15) on 20 November 2022. The main objective of this study was to examine the media bias of online news portals against political parties representing the government and opposition during the election campaign period to measure the level of bias of each news portal. Two types of news portals were selected for this research: (1) mainstream online news portals, namely The Star Online, Berita Harian Online, Bernama Online, Radio Television Malaysia News, Harian Metro Online, Sinar Harian Online, Utusan Online, and The Malay Mail; and (2) an alternative news portals consisting of independent news portals namely Astro Awani, The Malaysian Insider, Free Malaysia Today, and Malaysiakini. The study was conducted from the day of nomination of candidates on 5 November 2022 until polling day on

19 November 2022. Each article was encoded and labeled as positive, negative, or neutral coverage for each political party. The researchers used the Content Analysis method, where they selected and analyzed each election article and categorized them into three categories to determine the bias direction: government, opposition, and neutral. The results of the study show that all news coverage displays the image of their respective news organizations where mainstream media reporting dominates government-directed news while alternative media is more balanced except MalaysiaKini. The biased media direction display clearly shows that the coverage presented to the public is complementary for both government and non-governmental parties.

**Keywords:** General election, online news, alternative news, political parties, media bias.

## PENDAHULUAN

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15 telah diadakan pada 19 November 2022 yang menitikberatkan berkaitan dengan kenaikan kos sara hidup, ketidakstabilan politik dan ketidakpastian dalam aktiviti global. Pilihan raya ini diadakan lebih awal satu tahun daripada tempoh matang iaitu 5 tahun daripada tarikh parlimen ditubuhkan sebelum ini. Pilihan raya ini juga hanya melibatkan 3 buah negeri daripada 13 negeri di bawah naungan Dewan Undangan Negeri yang menjalankan pengundian dan selebihnya memilih untuk menjalankan pilihan raya negeri pada tahun 2023. Selain itu, pilihan raya ini buat julung kali telah membuka peluang secara automatik kepada pengundi muda 18 tahun dan ke atas untuk mengundi sekaligus telah menyaksikan jumlah pengundi meningkat dua kali ganda di seluruh negara. Penyertaan pelbagai parti politik turut mewarnai perjalanan sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum ini, antara komponen parti gabungan adalah Barisan Nasional (BN): UMNO, MCA dan MIC. Pakatan Harapan (PH): PKR, Amanah dan DAP. Perikatan Nasional (PN): Bersatu, Gerakan dan PAS, parti politik Sabah dan Sarawak. Dengan pelbagai konflik dalam parti politik serta perkembangan pola pengundian, tentunya masyarakat memerlukan banyak informasi samada daripada arus perdana atau arus alternatif bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini.

Sepanjang pilihan raya dijalankan, dapat dilihat kedua-dua medium arus perdana dan arus alternatif banyak menyumbangkan informasi. Walaubagaimanapun, medium alternatif iaitu media massa dan media sosial menjadi salah satu platform baharu bagi menyuarakan manifesto calon untuk berkempen dan mendekati pengundi. Ini adalah bertitik tolak daripada kempen Pilihan Raya Negeri Melaka sebelum ini yang merupakan pilihan raya pasca pandemik Covid-19 memperlihatkan medium media massa digunakan secara maksima tanpa berkempen secara fizikal yang mampu memberi impak kepada pemikiran masyarakat pada masa tersebut (Siti Noraniza, 2021). Justeru, dapat dilihat medium baharu ini telah menjadi satu keutamaan dalam menyampaikan informasi kepada pengundi sepanjang tempoh pilihan raya.

Sehubungan itu, dalam berdiskusi berkaitan dengan politik dan pilihan raya, kita tidak boleh lari daripada memaparkan objektiviti dalam penulisan berita sama ada ia berdasarkan ideologi organisasi atau tidak. Oleh itu, tahap kecenderungan ideologi media berat sebelah atau "Bias Media" ini adalah satu bidang kajian penting perlu dipelopori sepanjang musim pilihan raya. Kajian ini mengukur kecenderungan dalam pelaporan media massa oleh portal berita dalam talian. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti kecenderungan berat sebelah

portal berita dalam talian terhadap parti-parti politik yang mewakili kerajaan dan pembangkang semasa tempoh kempen pilihan raya bagi mengukur tahap bias setiap portal berita. Portal berita yang dipilih adalah iaitu portal berita arus perdana terdiri daripada The Star Online, Berita Harian Online, Bernama Online, Berita Radio Televisyen Malaysia, Harian Metro Online, Sinar Harian Online, Utusan Online dan The Malay Mail dan berita alternatif portal yang terdiri daripada penerbitan portal berita bebas iaitu Astro Awani, The Malaysian Insider, Free Malaysia Today dan Malaysiakini. Penggunaan frasa "media arus perdana" adalah mencerminkan kepartian dan mempunyai kuasa dominan struktur masyarakat manakala "media alternatif" ditakrifkan sebagai satu saluran media yang bertentangan dengan media arus perdana. Justeru, objektif penyelidikan ini jelas untuk melihat media berat sebelah di Malaysia yang dipaparkan melalui portal berita dalam talian.

Penggunaan platform berita dalam talian ini bukan sahaja dipelopori oleh parti politik, tetapi golongan elit turut menggunakan media dalam talian dengan menubuhkan portal berita mereka sendiri, blog, akaun media sosial dan pasukan siber untuk menyalurkan idea dan ideologi (Abdesselam, 2017). Perkembangan sedemikian menyebabkan ada yang berpendapat bahawa peningkatan berita dalam talian telah dipromosikan kebebasan dan demokrasi yang lebih luas. Media alternatif diterima sebagai keseimbangan kecenderungan media tradisional ke arah pemerintah. Parti politik pembangkang dengan liputan yang baik untuk mengimbangi apa sahaja kecenderungan media cetak dan elektronik tradisional mungkin telah dipaparkan ke arah parti politik yang memerintah. Akibatnya, parti politik yang memerintah Malaysia, termasuk pembangkang telah mendakwa bahawa "arus perdana" Malaysia dan media "alternatif" secara kolektif telah mencapai prinsip demokrasi menawarkan liputan berita yang pelbagai, seimbang dan adil. Kebebasan platform berita dalam talian membuat pelaporan menyebabkan kecenderungan ideologi berita dalam talian tidak dapat diketahui sama ada pihak pro kerajaan, neutral atau pembangkang. Maka, permasalahan yang timbul untuk ditangani adalah dari pelbagai sudut iaitu untuk melihat kecenderungan ideologi dalam portal berita yang menyalurkan berita tidak diketahui dengan jelas.

Oleh itu, kajian semasa ini penting sebagai bantuan kepada memahami liputan portal berita dalam talian ke arah parti politik dan bagaimana liputan itu menyumbang kepada keputusan Pilihan Raya Umum ke 15. Kajian ini mengandungi kajian literatur, metodologi penyelidikan, dan hasil kajian penyelidikan yang kecenderungan bias media portal berita ini pada Pilihan Raya Umum di Malaysia.

#### SOROTAN LITERATUR

##### *Reformasi Media Baharu dalam Pelaporan Berita*

Permulaan reformasi media baharu ini dilihat berdasarkan ketidaktentuan pasaran edaran akhbar bercetak yang mana pada yang sama terdapat pertumbuhan pesat platform berita melalui media baharu yang dipelopori oleh golongan elit. Sehubungan itu, penurunan edaran akhbar bercetak ini menunjukkan prestasi edaran akhbar bercetak tidak menunjukkan kadar pertumbuhan yang memberangsangkan (Sannusi & Mustaffa, 2015). Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh *Audit Bureau of Circulation* (ABC) mengenai edaran akhbar di Malaysia, ia menunjukkan penguncupan yang ketara bagi tahun sejak 2013 berbanding tempoh yang sama pada 2015. Laporan itu menyebut trend penurunan berlaku di semua penerbitan utama iaitu

Melayu, Inggeris dan Cina. Tren menurun berterusan pada tahun 2016. Sebagai contoh, tempoh antara 2013 hingga 2019, angka oleh *Audit Bureau of Circulation* (ABC) menunjukkan bahawa edaran empat akhbar Melayu dan edisi Ahad mereka, iaitu Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo dan Harian Metro, menurun kepada sekitar 80,000 naskhah sehari. Ini adalah penurunan terburuk yang dihadapi oleh Harian Metro dan Metro Ahad. Edaran untuk Harian Metro dan Metro Ahad pada tahun 2019 merosot teruk kepada 74,314 cetakan untuk Harian Metro dan 79,049 untuk Metro Ahad. Salah satu akhbar Inggeris tertua di Malaysia, New Straits Times (NST) juga turut terkesan dengan perubahan pembacaan medium berita yang mana jumlah edaran pada tahun 2019 adalah 27,045 naskhah berbanding pada tahun 2018 yang mencapai 32,064 naskhah. Aliran penurunan cetakan naskah semakin menurun sehingga tahun 2019 dan melihat kepada perkara ini saban tahun, ia sejajar dengan pendapat daripada McLuhan dan Powers (1989) menerusi “Perkampungan global” atau “*The Global Village*” yang menyatakan bahawa teknologi akan mengubah pada masa akan datang. Maka, walaupun perkembangan edaran pasaran akhbar masih relevan yang berperanan penggerek intelektual masyarakat tetapi ketidaktentuan pasaran akhbar bercetak ini telah merubah landskap penulisan kepada platform akhbar digital.

Sehubungan itu, memandangkan media arus perdana dianggap dikawal oleh kerajaan, maka media baharu menjadi popular dan diterima ramai yang dianggap lebih telus dan seimbang dalam menyampaikan informasi. Contoh, pada tahun 1990 adalah tercetusnya era reformasi dalam politik dan demokratik di Malaysia dengan tertubuhnya satu parti politik baharu iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR). Ini telah memberikan yang menjadi satu paradigma baharu dalam pergerakan penyebaran maklumat yang lebih bebas daripada kawalan kerajaan. Walaupun, terdapat arus perubahan dalam penyampaian maklumat, kawalan media masih ada yang mana media cetak perlu memperbaharui lesen tahunan manakala media penyiaran dikawal oleh kerajaan. Sehingga hari ini, operasi media Malaysia terus dikawal kerajaan menerusi kaedah yang sama iaitu media arus perdana perlu mendapatkan lesen dan kerajaan masih mengawal stesen penyiaran. Sehubungan itu, kajian-kajian terdahulu telah menjelaskan bahawa pola penggunaan media di kalangan masyarakat Malaysia yang cenderung menggunakan media baru iaitu yang berasaskan internet, lebih daripada akhbar dan televisyen (Newman et al., 2020). Penerbitan berita menerusi platform alternatif adalah merupakan satu alat yang berkesan yang dapat mempengaruhi orang, memberi keyakinan dan penjenamaan imej yang dipaparkan oleh media tersebut akan menjadi tanda aras dan ingatan penonton. Sehubungan itu, peralihan kepada zaman digital telah menjelaskan bahawa peningkatan rakyat Malaysia memperoleh berita secara dalam talian dan di media sosial berbanding dengan penggunaan televisyen atau media cetak (Hölig et al., 2019) dan masyarakat turut yang memerlukan maklumat yang segar. Dengan peningkatan peratusan sebanyak 13.2% menunjukkan bahawa aktiviti penggunaan Internet yang paling popular pada tahun 2021 adalah untuk mengambil bahagian dalam rangkaian sosial pada 99%, diikuti dengan memuat turun gambar, filem, video atau muzik; bermain atau memuat turun permainan (91.8%), mendapatkan maklumat mengenai barang atau perkhidmatan (89.4%), membuat panggilan telefon melalui Internet / VoIP (89.2%) dan memuat turun perisian atau aplikasi (86.3%). Selain itu, Kementerian Multimedia dan Komunikasi (MCMC) melaporkan bahawa rakyat Malaysia menghabiskan purata 12 jam sehari mengakses Internet melalui pelbagai peranti seperti telefon bimbit, tablet dan komputer untuk tahun 2021. Laporan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan tablet dan komputer yang paling banyak

menghabiskan masa kira-kira 5 jam 36 minit sehari. Menurut Laporan Berita Digital Reuters Institute 2021, portal Malaysiakini merupakan sumber utama fakta dalam kalangan rakyat Malaysia. Manakala, kajian Nur Ellyanis dan Junaidi (2020) menyatakan bahawa The Malaysia Insight telah memperoleh berjuta-juta pengikut dan perkongsian berbanding akhbar arus perdana yang telah kehilangan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua golongan masyarakat menggunakan media alternatif, memandangkan terdapat golongan generasi tua yang tidak celik internet lebih tertumpu pada medium televisyen untuk mendapatkan fakta berita (Newman et al., 2020). Oleh itu, peralihan dalam medium penerbitan berita yang bergerak selari dengan teknologi akan dapat mempengaruhi pemilihan medium untuk mendapatkan fakta.

Kemunculan platform berita dalam talian pertama, MalaysiaKini pada November 1999 dengan agenda politik diwujudkan bagi membincangkan politik dan hal-hal semasa bermula dengan kewujudan platform akhbar bebas. Platform berita bebas sebelum pilihan raya ini telah merekodkan lebih daripada 100,000 pengunjung setiap hari. Melalui platform MalaysiaKini, yang dipelopori oleh pertubuhan bukan kerajaan dan wartawan bebas, telah membawa berita bukan partisan, analisis peristiwa dan memberi ruang kepada pembaca atau pengunjung untuk menyatakan pendapat mereka. Kemudian muncul portal berita The Free Malaysia Today (FMT) adalah akhbar dalam talian bebas dengan kandungan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang memberi tumpuan kepada hal ehwal semasa Malaysia yang ditubuhkan dan diterbitkan di Petaling Jaya pada tahun 2009. Ini adalah salah satu laman berita yang paling mudah diakses di Malaysia dengan lawatan bulanan sebanyak 11.83 juta. Pengukuhan kedudukan platform alternatif ini apabila parti Pakatan Harapan telah mengambil alih kerajaan pada 2018 yang mana Menteri Multimedia dan Komunikasi pada ketika itu telah berjanji untuk menjamin kebebasan media. Dasar yang diliberalisasikan ke atas media ini terus mengubah kandungan akhbar ini menjadi akhbar yang lebih dipercayai dan bukannya hanya berbaur politik sahaja. Berikutan ledakkan teknologi dan idea yang dibawakan oleh kerajaan pada masa itu telah merubah pertumbuhan portal berita yang bercambah seperti cendawan selepas hujan sekaligus telah membenamkan peranan berita tradisional. Antara portal berita yang wujud daripada pertubuhan bukan kerajaan ialah Siakap Keli, Rotikaya, Bernama Online, Pen Merah, OhBulan!, Rojakdaily dan The Malaysian Insight. Selain itu, bagi memenuhi minat dan kecenderungan masyarakat Malaysia untuk mendapatkan berita yang lebih interaktif, media berita tradisional seperti Harian Metro Online, Berita Harian Online, Sinar Harian Online, New Straits Times, TV3, RTM, Astro Awani dan The Star Online, Malay Mail menyediakan platform dalam talian. Justeru, ini memperlihatkan transisi daripada aliran media tradisional kepada alternatif kerana penyebaran teknologi digital, yang mungkin mengubah kecenderungan masyarakat untuk mendapatkan berita.

#### *Media Berat Sebelah (Bias Media)*

Penerbitan berita sering dikaitkan dengan bias media. Bias media sering dikaitkan dengan penulisan berita yang terarah kepada satu pihak sahaja dan tidak seimbang. Oleh itu, pelaporan berita yang dibuat harus objektif, seimbang dan bertanggungjawab (Faridah, 2003; Lichter, 2017) dalam melaporkan berita walaupun terdapat pertikaian di antara para sarjana mengenai objektif pelaporan berita itu (Budak et al., 2016). Bias media adalah merupakan satu perspektif terhadap wartawan dan penyunting dalam pemilihan fakta dan cerita yang memperlihatkan berat

sebelah. Istilah "kecondongan media" membayangkan bias yang ini bertentangan dengan piawaian kewartawanan, dan bukannya perspektif seorang wartawan atau artikel individu. Pengkaji terdahulu ada memetik bahawa pendefiniasian bias media menjadi satu permasalahan dalam kajian (Entman, 2007; Gentzkow et al., 2015; Lichter, 2017). Bias mempunyai kecenderungan sistematik untuk memihak satu pihak atau kedudukan daripada yang lain (McQuail, 2007). Kenney dan Simpson (1993) mendefinisikan bias sebagai "pola pilih kasih berterusan" satu calon daripada yang lain, dan "bias berlaku apabila satu calon atau pihak menerima liputan berita yang lebih banyak dan liputan yang lebih baik dalam jangka masa yang panjang". Manakala Entman menjelaskan bahawa bias media adalah corak yang konsisten dalam pembingkaian komunikasi yang dimediasi untuk mempromosikan pengaruh satu pihak dalam konflik penggunaan kuasa pemerintah (Entman, 2007). Manakala Gentzkow et al. (2015) turut membahaskan bias media adalah satu strategi secara relatif dalam melaporkan sumber berita dan ditentukan oleh organisasi berita. Cushion dan Thomas (2017) turut menjelaskan dalam kajian nya yang mentakrifkan bias dalam kesusasteraan sebagai bertentangan dengan objektiviti. Justeru, walaupun terdapat pertikaian pendapat dalam takrifan bias, dapat dijelaskan ia merupakan satu ungkapan negatif kepada norma kewartawanan dalam pelaporan berita.

Definisi lain yang dicadangkan oleh Litcher (2017) bias media ini adalah subjektif yang mengaitkan liputan bias kepada insentif ekonomi dan bukannya pemikiran wartawan serta membangkitkan semula perdebatan ini, sambil berpendapat bahawa bias negatif dan bias ideologi tidak semestinya eksklusif merujuk kepada sesuatu organisasi berita. Persamaan dapatan kajian Entman (2007) dan Gentzkow et al. (2015) mengenai bias media ini adalah kerana kedua-dua pengkaji menggunakan pendekatan ideologi dalam kajian mereka. Manakala Litcher (2017) membawakan definisi berdasarkan kepada pendekatan ideologi dan ekonomi. Justeru, kajian beberapa tahun kebelakangan ini adalah sukar untuk mendefinisikan media bias kerana perbincangan bias dari sudut komunikasi dan sains politik kepada sudut ekonomi.

Pemilikan institusi media berita turut menyumbang kepada kecenderungan wartawan untuk dalam menulis berita. Sehubungan itu, tuntutan industri yang menyumbang kepada pendapatan diyakini boleh mempengaruhi profesionalisme wartawan walaupun ada sebilangan wartawan menjelaskan keutamaanya terhadap etika kewartawanan (Faridah, 2003). Sebagai contoh, pemilikan media arus perdana didominasi oleh pemerintah dan mendapat kawalan daripada ideologi pemerintah bermula dengan penubuhan Utusan Malaysia yang diambil alih oleh UMNO sekitar tahun 1961 (Gomez, 2014) telah menyebabkan penulisan Utusan Malaysia banyak melibatkan politik UMNO ketika itu untuk meningkatkan semangat kekitaan terhadap parti pimpinan negara. Walaubagaimanapun, kini, pemilikan media turut berlaku dalam portal berita dalam talian yang diasaskan dan dibiayai oleh individu dan organisasi yang berminat secara eksplisit untuk memberikan berita yang tidak memihak kepada rakyat Malaysia (Abbott & Givens, 2015). Justeru, dapat dilihat kecenderungan kepartian atau ideologi diantara akhbar penulisan dan portal mampu mempengaruhi penulisan sesuatu berita.

Selain daripada kepartian yang memberi indikator kepada bias, beberapa sorotan literatur yang akan membincangkan berkait dengan bias media struktur. Perbincangan bias struktur dari sudut visual, Waldman dan Devitt (1998) mengutarakan kajian bias visual yang menganalisis gambar calon presiden dalam pilihan raya presiden 1996 yang digunakan di lima surat khabar utama mendapati gambar digunakan untuk mengesan kedudukan calon dalam

pengundian lebih banyak daripada tulisan editorial setiap akhbar. Manakala Barrett dan Barrington (2005) telah mengesan prestasi visual calon dalam pilihan raya yang sama dengan melaporkan perbezaan antara kecondongan dan berat sebelah visual yang digunakan oleh setiap calon. Kedua-dua kajian ini dibuat berdasarkan kepada media cetak. Seterusnya, kajian sistematik visual bias dalam berita televisyen (Coleman & Banning, 2006; Grabe & Bucy, 2009) dalam telah menganalisis kandungan terperinci bingkai visual liputan, berat visual, dan pelbagai metrik pembungkusan bermanfaat dan mengkodkan ekspresi wajah, penampilan, dan tingkah laku nonverbal calon, dan ciri struktur televisyen yang disunting menjadi berita oleh wartawan. Seterusnya, Hehman et al. (2012) menganalisa 400 gambar presiden dari lima laman media dalam talian yang boleh menggambarkan kecekapan, kualiti dalam kepimpinan. Penggunaan gambar yang digambarkan oleh media sasaran berkongsi orientasi politik mereka. Gambar dapat meningkatkan daya ingat artikel berita dan ini menunjukkan kualiti dianggap penting secara universal untuk kepimpinan, persempahan gambar yang berbeza-beza sepanjang populariti dan kecekapan dapat mempengaruhi kesan yang dibentuk oleh pembaca mengenai tokoh politik tersebut.

Selain itu, pendekatan faktor permintaan maklumat daripada masyarakat mendorong organisasi media memaksimumkan keuntungan dengan menyediakan informasi dalam pelbagai cara dan saluran. (Mullainathan & Shleifer, 2005) berpendapat peningkatan dalam memenuhi permintaan pembaca yang lebih berminat dengan isu tertentu menyebabkan organisasi berita lebih mengutamakan pelaporan berita yang akan menjana keuntungan berbanding berita yang objektif. Oleh itu, terdapatnya platform media alternatif untuk memenuhi kehendak masyarakat yang memerlukan maklumat lain yang lebih jelas dan tepat berbanding dengan media arus perdana (Bahiyyah, 2020). Sebagai contoh, dalam tempoh pilihan raya, penyiaran berita berkaitan kempen, penyaluran bantuan dan informasi pilihan raya kerap disiarkan oleh media arus perdana, walaubagaimanapun platform berita alternatif turut menyampaikan kandungan yang sama tetapi mengambil pendekatan menyediakan ruang komen yang menjadi satu cara masyarakat dan pembaca berminat untuk mengetahui lebih lanjut dan mempercayai kandungan tersebut. Justeru, persaingan akhbar dalam melalui permintaan dan penawaran ini akan mewujudkan bias pelaporan berita mengikut organisasi.

#### *Kajian Lepas Media Berat Sebelah (Bias Media)*

Kajian ilmiah dalam ketengahkan isu pilihan raya di Malaysia telah menggunakan berbagai-bagai pendekatan dari kajian deskriptif, analitikal, empirikal dan berbentuk spekulatif. Ini adalah kerana Malaysia merupakan salah satu negara membangun yang mengadakan pilihan raya dari masa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Melihat kepada transisi corak politik Malaysia yang sering berubah sejak tahun 2008 telah memperlihatkan sarjana banyak memperolehi bahan mengenai politik dan pilihan raya mengikut kepada kesesuaian keadaan semasa. Sehubungan itu, pelaporan berita yang menjurus kepada isu politik sering kali dikaitkan dengan elemen berat sebelah atau bias media. Ini adalah selaras dengan kajian terdahulu menjelaskan bahawa hipotesis kajian untuk bias media ini adalah berkaitan dengan corak liputan berita. Secara akademik, kajian bias media di Malaysia ini telah bermula pada tahun 1990 yang mana Hamdan Adnan (1990) dalam kajiannya menjelaskan bahawa penulisan penulisan akhbar pedalaman di Sabah dan Sarawak menunjukkan kecondongan terhadap

publisiti personaliti yang mempunyai pengaruh dan dimiliki oleh ahli perniagaan, parti politik dan individu berpengaruh.

Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh Wong (2001) telah melihat dalam corak pelaporan berita di Malaysia. Dalam kajian yang dijalankan, beliau telah menganalisis akhbar berita Bahasa Inggeris utama yang bercetak iaitu New Straits Times, The Star dan The Sun selama tujuh belas hari iaitu 12–29 November 1999 yang bertemakan berita pilihan raya. Tinjauan itu dikodkan laporan berita, potongan pendapat, dan surat kepada editor sama ada positif atau negatif untuk kerajaan, positif atau negatif untuk pembangkang, atau bukan parti yang berkaitan. Tiada maklumat dikemukakan mengenai bilangan item yang dikodkan untuk yang pertama, manakala saiz sampel dua kategori lain sangat kecil. Di samping itu, tidak ada pengiraan min atau korelasi, atau tempoh kawalan. Disamping itu, Wong Kok Keong turut menjalankan kajian pada tahun 2004 yang menggunakan sampel yang sama dalam tempoh 14-21 Mac. Penampaikan pada kajian yang dijalankan dengan adanya boleh ubah tambahan iaitu gambar dan item berita muka hadapan dan lima kategori telah dikodkan untuk fokus (kerajaan/pembangkang), positif atau negatif bagi kerajaan dan pembangkang, bukan pihak, atau seimbang. Hasil kajian beliau didapati tidak mengukur tahap berat sebelah, sebaliknya hanya memperolehi peratusan mudah kecuali item berita dan gambar, surat dan pendapat kepingan sekali lagi saiz sampel yang sangat kecil. Dalam kajian ini turut didapati tiada kawalan tempoh untuk membandingkan sampel. Justeru, kedua-dua kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini tiada kawalan sampel untuk memantapkan hasil kajian keatas menganalisis berita akhbar bercetak.

Seterusnya, sarjana Abbott (2011) dalam kajiannya *Electoral Authoritarianism and the Print Media in Malaysia: Measuring Political Bias and Analyzing Its Cause* dengan membuat penampaikan daripada kajian yang dibuat oleh Wong Kok Keong. Beliau mengkaji sejauh mana surat khabar di Malaysia memperlihatkan kepartian dalam liputan mereka mengenai politik Malaysia. Pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan kuantitatif dengan mengambil sampel 2 surat khabar Bahasa Melayu mengikut kod dalam tempoh iaitu pada March 2008 (semasa Pilihan Raya Malaysia) dan tempoh sebelum pilihan raya Oktober 2006 (sebagai sampel kawalan). Pengkaji menggunakan pembolehubah bias pemerintah, bias pembangkang, nada wartawan, penilaian pelakon dalam artikel, dan penilaian individu dalam foto. Hasil dapatan mendapati kedua-dua surat khabar menunjukkan bias terhadap pemerintah dan menentang pembangkang dalam pelaporan berita. Pengkaji turut dapati akhbar Berita Harian meletakkan gambar Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di muka pertama yang dan jika ada berita negatif berkaitan kerajaan, pengkaji dapati surat khabar ini tidak meletakkan sebarang gambar pemimpin. Kajian ini turut menyenaraikan dapatan bias pro kerajaan berdasarkan penguatkuasaan undang-undang utama mengenai kebebasan akhbar dan kebebasan iaitu pindaan Perlembagaan Persekutuan, Keselamatan Dalam Negeri, Akta, Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, dan Mesin Cetak dan Akta Penerbitan. Penggubalan Undang-undang ini memberi kuasa kepada pemerintah untuk menuntut mana-mana wartawan yang menerbitkan maklumat rasmi tanpa kebenaran. Selain itu, pemilikan institusi berita dan struktur sosio budaya turut memberi faktor kepada bias pro kerajaan. Kajian beliau telah melihat bias politik dalam 6 akhbar di Malaysia terdiri daripada 2 akhbar Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Kajian ini adalah untuk menganalisis tahap kepartian politik, dan kesan yang ada, dua tempoh sebulan yang berasingan dipilih dan dikodkan untuk pelbagai pembolehubah.

Peralihan teknologi telah menyebabkan sarjana mengorak langkah untuk menjalankan penyelidikan ke arah media baharu atau media. Pada ketika ini, terdapat banyak blog media yang banyak membicarakan perihal politik terutama sekali pilihan raya. Oleh itu, sarjana Lumsden (2013) dalam kajian analisis terhadap portal berita dalam talian sepanjang pilihan raya Umum ke 15 Malaysia telah mengutarakan persoalan sama ada portal berita di Malaysia ini berpihak kepada mana-mana pihak. Pengkaji ini menggunakan dua pendekatan kajian iaitu menerusi analisis kandungan dan temuduga bersemuka dengan editor dan ilmuan dalam industri media. Pengkaji ini telah menjalankan analisis ke atas tiga portal berita iaitu MalaysiaKini, The Insider dan Free Malaysian Today. Pengkaji ini telah menetapkan tempoh pengambilan sampel selama 15 hari daripada tarikh penamaan calon sehingga tarikh pembuangan undi. Sebanyak 450 artikel yang diambil sepanjang tempoh tersebut dan cara pemilihan artikel adalah berdasarkan 10 artikel yang terbaik diantara jam 7.00 pagi hingga 9.30 pagi setiap hari. Hasil daripada kajian ini didapati berita yang dilaporkan secara positif terhadap parti Barisan Nasional (Parti kerajaan) adalah lebih daripada berita negatif dari keseluruhan liputan. Manakala liputan berita untuk pihak pembangkang adalah lebih positif sepertimana yang telah dijangka sebelum ini. Walaubagaimanapun portal berita ini turut di lihat ada mengkritik kedua-dua pihak parti ini boleh merumuskan bahawa terdapat percambahan penyertaan politik sihat negara Malaysia.

Kajian Mohd Azizuddin (2014) dalam kertas kerjanya '*Malaysia's 13th General Elections: Political Partisanship in the Mainstream Print Media*', menyatakan bahawa entiti media telah mempromosikan kepentingan parti politik yang menunjukkan media arus perdana sama ada dimiliki atau dikawal oleh rejim pemerintah dan melalui syarikat gabungan mereka. Ahli-ahli gabungan parti pemerintah, Barisan Nasional mampu mengawal pemilikan yang luas dan dengan itu menentukan banyak cetakan dan penyiaran kandungan media. Kajian ini telah dijalankan bermula dari hari penamaan calon pada 20hb April 2013. sehingga hari pengundian pada 5 Mei 2013. Artikel meliputi parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan pembangkang Pakatan Rakyat (PR). Setiap artikel dikodkan dan dilabelkan sebagai positif, negatif atau neutral liputan untuk setiap parti politik. Kaedah Analisis Kandungan telah digunakan di mana pengkaji memilih dan menganalisis setiap artikel pilihan raya dan meletakkannya dalam salah satu daripada lima kategori bBN (laporan positif), BN (laporan negatif), SPR (laporan positif), PR (laporan negatif) dan N (Neutral). Dalam analisisnya terhadap media cetak arus perdana, beliau menyimpulkan bahawa akhbar arus perdana berbahasa Melayu secara jelas menyokong daripada gabungan parti pemerintah Barisan Nasional.

Penambahbaikan kajian turut dijalankan oleh Abbot (Abbot & Givens, 2015). Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji ini telah menganalisis dan membandingkan tiga kod bias dalam media Malaysia dan mencari bukti empirik mengenai kecenderungan pro kerajaan dalam liputan berita. Sarjana ini menggunakan lima pembolehubah dikodkan secara eksplisit untuk darjah berat sebelah iaitu kepartian merangkumi bias kerajaan, berat sebelah pembangkang, nada wartawan, faktor penilaian, dan penilaian watak dalam foto. Sarjana ini mencadangkan 2 dua faktor sebagai faktor iaitu tapisan kerajaan dan pemilikan struktur yang menghubungkan organisasi berita dan pemerintah dengan membawa hujah kawalan media yang dibuat oleh kerajaan yang memenangi setiap pilihan raya dan pemilikan organisasi berita boleh membuktikan jauh lebih berkesan dalam penentuan bias. Dengan adanya berita dalam talian yang bebas telah membuktikan kawalan kerajaan terhadap organisasi berita semakin longgar dengan tumbangnya kerajaan BN ketika itu.

Manakala kajian oleh Wong Kok Keong (2017) sejauh mana cetakan media "arus perdana" Malaysia bersikap berat sebelah terhadap parti politik yang berkuasa dan sejauh mana portal berita "alternatif" Malaysia bersikap berat sebelah terhadap parti pembangkang. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan analisis kandungan keatas 3 surat khabar arus perdana tradisional dan 3 media berita alternatif portal berita dalam talian iaitu Malaysiakini, The Malaysian Insight (TMI) dan Free Malaysian Today (FMT). Semua sampel dipilih kerana kandungan yang tersedia dalam Bahasa Inggeris. Pengkaji mengambil sampel dalam tempoh selepas pembubaran parlimen iaitu pada 4 April 2013 sehingga 5 Mei 2013 kerana ia dianggap oleh parti politik dan masyarakat sebagai permulaan pemilihan. Pengkaji menggunakan elemen-elemen yang berkaitan dengan pilihan raya yang dipilih untuk analisis adalah laporan berita, editorial, ulasan dan surat kepada penyunting (atau surat). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan surat khabar New Strait Times (45.8%) jelas merupakan yang paling berpihak kepada Barisan Nasional daripada keenam-enamnya media yang dikaji. Walau Bagaimanapun dari segi liputan negatif terhadap terhadap Barisan Nasional, FMT mencatatkan jumlah tertinggi iaitu pada kadar 17.4%, diikuti Malaysiakini (15.8%) dan TMI (8.7%). Selain itu, TMI akan memberikan liputan seimbang yang paling banyak terhadap PR berbanding dengan portal berita lain sementara FMT mencatat tahap tertinggi peratusan liputan negatif terhadap PR. Dapatkan ini menyokong ketiga-tiga hipotesis yang ditetapkan oleh pengkaji. Justeru, kajian ini memperlihatkan bagaimana kepartian di dalam institusi berita mempengaruhi wartawan dalam menyampaikan berita kepada masyarakat.

Pendekatan kajian bias turut dilihat daripada sudut bias struktur yang memaparkan amalan kewartawanan yang jelas dalam kajian Muhammad Izawan dan Abdul Mua'ti (2020) membincangkan berkaitan kewartawanan dalam penulisan akhbar saluran berita arus perdana dan arus alternatif kaitan dengan pilihan raya tahun 2008 Malaysia. Pengkaji ini menjalankan kajian dengan menggabungkan analisis kandungan artikel akhbar Utusan Malaysia yang dinaungi oleh Parti UMNO dan Malaysiakini (berita bebas). Pengkaji ini menggunakan Teori Pembingkaian dalam merungkai corak penulisan berita kedua-dua agensi berita. Menerusi analisis kandungan artikel daripada kedua-dua agensi akhbar ini mempunyai perbezaan dalam bingkai berita (konflik, kepentingan manusia, akibat ekonomi, moral, dan tanggungjawab dalam artikel berita. Kajian ini membuktikan bahawa media yang dimiliki oleh kerajaan sebelum ini sangat bergantung pada kerangka moral, sementara kerangka tanggungjawab adalah paling dominan dalam portal berita bebas. Kajian itu mendedahkan bahawa tanggungjawab itu bingkai ditulis dalam nada positif manakala moral dan bingkai konflik ditulis dalam nada negatif. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dan persamaan dari segi amalan pembingkaian yang digunakan oleh media. Ia juga mendapati bahawa tona berita boleh menguatkan fungsi bingkai. Untuk lebih memahami hubungan antara bingkai dan amalan kewartawanan, pengkaji ini turut menjalankan temubual separa berstruktur dengan editor dari kedua-dua agensi media. Hasil daripada temubual tersebut jelas menunjukkan bahawa agenda organisasi berfungsi sebagai garis panduan bagaimana isu politik. Walaupun diperakui oleh kedua-dua agensi ini terdapat arahan berbentuk politik tetapi media masih berusaha untuk menggalakkan pelaporan yang adil dalam skop tugas yang ditetapkan.

Ainis dan Mohd Azizuddin (2021) dalam kajiannya yang menerokai kecenderungan liputan akhbar media arus perdana terhadap parti politik di Malaysia semasa Pilihan Raya Umum ke-14

pada 2018 (PRU-14). Pengkaji memilih tiga akhbar berbahasa Melayu, dua bahasa Inggeris, dua bahasa Mandarin dan dua akhbar Tamil iaitu: 'Utusan Malaysia', 'Berita Harian', 'Sinar Harian', 'New Straits Times', 'The Star', 'Nanyang Siang Pau', 'Sin Chew Daily', 'Nanban' dan 'Osai'. Kesemua akhbar yang di pilih berdasarkan kepada latar belakang pemilikan dan pendekatan yang dibuat sepanjang tempoh pilihan raya. Data itu diklasifikasikan kepada beberapa kategori berdasarkan laporan mengenai Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Gagasan Sejahtera (GS) melalui kekerapan dan peratusan positif, bentuk liputan negatif, dan neutral. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pada tahun 2018, kebanyakannya laporan media arus perdana adalah pro-kerajaan, yang dikaitkan dengan hubungan dengan parti-parti politik. Walau bagaimanapun, terdapat pertambahan liputan positif terhadap Pakatan Harapan selepas pasca pilihan raya.

Dari pada sorotan susastera yang telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini, jelas mendapati bahawa sarjana terdahulu telah memberikan pelbagai definisi mengenai bias, tetapi tiada seorang pun sarjana yang mampu memberikan definisi lengkap mengenai bias media. Banyak kajian dilakukan dari pelbagai aspek bias media di luar negara dan turut ada kajian bias media yang memfokuskan pilihan raya di negara ini dengan menggunakan Teori Penetapan Agenda dan Teori Pembingkaian Media. Teori-teori ini lebih terarah kepada pengamal media iaitu wartawan sahaja manakala Teori Bias Media mengadaptasi daripada Teori Pembingkaian Media yang masih belum dibuat kajian di negara ini. Selain itu, masih terdapat isu yang masih belum diterokai dalam membincangkan perihal bias media dalam pelaporan berita pilihan raya Umum ke 15 yang diadakan pada tahun 2022. Justeru, kajian ini dilihat dapat membantu menjelaskan perihal bias media dalam pelaporan berita Pilihan Raya Umum ke 15 berdasarkan Teori Bias Media.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu salah satu daripada metodologi dalam penyelidikan kualitatif. Klaus Krippendorff (2018) telah mentakrifkan analisis kandungan adalah melihat data sebagai penterjemahan bukan peristiwa fizikal tetapi teks, imej, dan ungkapan yang dicipta untuk menjadi dilihat, membaca, mentafsirkan, dan bertindak untuk makna mereka. Selain itu, analisis kandungan turut ditakrifkan sebagai pendekatan analisis yang diterjemahkan dengan menyatakan kuantiti dalam bentuk kategori yang telah ditetapkan dalam satu kaedah sistematik (Bryman, 2012). Oleh itu, takrifan yang jelas telah memperlihatkan metode ini adalah bersesuaian dengan penyelidikan media dan sains sosial.

Dengan peredaran masa era digital, kaedah ini bukan sahaja menganalisis media cetak dan media penyiaran, tetapi turut boleh menganalisis dalam sumber daripada media baharu seperti internet. Dengan adanya media digital, pendekatan analisis kandungan secara tradisional menjadi satu masalah, walau bagaimanapun, sehingga kini, analisis kandungan masih relevan untuk mengkaji kandungan manifes dengan cara yang telus dan boleh dipercayai (Krippendorff, 2018). Justeru, analisis kandungan merupakan satu metodologi yang masih relevan dan menginterpretasi kandungan kepada corak kajian.

Menurut penyelidikan analisis kandungan kuantitatif adalah merupakan deskriptif yang mana lebih terarah kepada objektif kajian sahaja dan mengukur ciri-ciri penting dan nyata dari sebilangan besar teks dan statistik digunakan untuk membuat kesimpulan yang lebih luas tentang proses. Analisis kandungan kuantitatif telah digunakan untuk mengukur pelbagai ciri mesej yang luar biasa (Neuendorf & Skalski, 2009). Dalam kajian bias, analisis kandungan secara kuantitatif

ini menentukan banyak aspek untuk menggambarkan kecenderungan berita berdasarkan struktur dan ideologi (Hehman et al., 2012; Gerth & Siegert, 2012; Garz, 2014; Puglisi & Snyder, 2015; Budak et al., 2016; Goncalves, 2017; Hamborg et al., 2019; Klepka, 2019; Fong et al., 2020; Wong, 2017) dan kecenderungan corak ekonomi (Agirdas, 2015; Qin et al., 2018). Oleh itu, dalam kajian ini, pemilihan analisis kandungan kuantitatif telah dipilih kerana objektif kajian ini untuk melihat data deskriptif bagi melihat ideologi, struktur dan ekonomi portal berita.

Penelitian mengenai kandungan berita dalam organisasi ini hanya bertumpu kepada portal berita yang mempunyai kriteria seperti mencatat jumlah pengunjung (*unique visitor*) tertinggi, berpangkalan dan menyiarkan berita di Malaysia dan berdaftar dengan pihak berkuasa (SKMM, Audit Bureau of Circulation, KDN). Pemilihan sampel ini adalah secara bertujuan (*purposive*) iaitu berkaitan Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU15). Pemilihan sampel ini adalah diambil dalam tempoh selama 15 hari dari 5 November 2022 iaitu hari penamaan calon sehingga 19 November 2022 hari pembuangan undi. Justifikasi pemilihan berita pilihan raya ini untuk melihat kekerapan berita yang disediakan oleh medium berita dan kecondongan berita samada terdapat berat sebelah dalam laporan dalam melaporkan perkembangan pilihan raya. Tempoh masa untuk kajian ini adalah penting untuk memastikan bahawa data mencerminkan konteks yang sesuai dalam analisis (Salkind, 2012).

Berita yang diambil adalah dari 12 laman digital berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris iaitu Malaysiakini, Astro Awani, The Star, Berita Harian, Harian Metro, Sinar Harian, Free Malaysia Today, Utusan Malaysia Online, Radio Televisyen Malaysia, Bernama Online, The Malay Mail, The Malay Insight. Pemilihan 12 medium berita ini adalah berdasarkan kepada Laporan Berita Digital Reuters 2020 yang menyenaraikan medium ini antara medium berita dipercayai menjadi pilihan masyarakat Malaysia berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan. Berita yang diambil untuk dikaji pada setiap hari dipilih secara rawak dari organisasi berita tanpa mengambil kira latar belakang organisasi dan penulis. Ini membolehkan pengkaji membuat satu analisis kandungan yang adil dan tidak berpihak atau prejudis terhadap satu-satu pihak atau satu-satu isu dan seterusnya menjaskan kesimpulan kajian.

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah menggunakan borang kodan akan disediakan bagi menganalisis sampel berita yang dihasilkan oleh organisasi media dalam talian berikut. Buku kodan yang digunakan terdiri daripada beberapa elemen berdasarkan kepada (Hamborg et al., 2019; Klepka, 2019). Sehubungan itu, pengkodkan adalah proses mengenal pasti kategori atau tema yang wujud dalam manuskrip atau teks (Othman, 2013). Pengekodan artikel kesemua berita dikendalikan oleh 6 orang individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang komunikasi. Pengkodan manual yang kadang-kadang dirujuk sebagai ‘kamus’ analisis kandungan merupakan pernyata arahan untuk orang yang mengkod untuk menentukan kategori yang akan digunakan untuk mengelaskan teks berdasarkan satu set peraturan bertulis yang menentukan bagaimana teks tersebut diklasifikasikan Alan Bryman (2012). Bagi menjawab persoalan mengenai objektiviti, keputusan diambil untuk tidak menggunakan penyelidik semata-mata bagi mengelakkan istilah penggunaan istilah, yang terdapat pada konsep yang mungkin dimiliki oleh pengekod yang boleh boleh penilaian mereka terhadap bias dalam akhbar-akhbar yang sedang disiasat. Sebanyak 15 unit analisis telah dibentuk dalam kajian analisis kandungan ini. Penentuan arah bias ini adalah berdasarkan kepada unit analisis arah berita dan kandungan berita. Liputan arah kerajaan adalah keseluruhan berkaitan dengan kerajaan manakala arah

pembangkang adalah berkaitan dengan pembangkang. Liputan neutral berkaitan dengan artikel secara linguistik bukan bersandar kepada menyokong atau mengkritik mana-mana pihak samada kerajaan, parti pembangkang dan parti kerajaan. Data yang diperoleh dimuatkan dalam borang kodan berdasarkan koding manual. Borang kodan merupakan satu borang yang memuatkan semua data yang berkaitan dengan bahan yang dikodkan.

Untuk menjalankan analisis terhadap artikel berita yang telah disaring, pengkaji telah memilih pengkodan yang berkemahiran dalam bahasa dan mempunyai literasi yang tinggi sesuatu berita bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Untuk memastikan pengkodan mempunyai keupayaan dan daya pemikiran yang sama dalam menganalisis artikel akhbar ini, satu ujian kebolehpercayaan dijalankan iaitu analisis Indeks Cohen Kappa. Secara jelas, analisis Cohen Kappa yang diperkenalkan oleh Cohen (1960) bagi menentukan darjah persetujuan di kalangan penilai dalam kajian sesuatu kualitatif dan nilai kebolehpercayaan ini bergantung kepada nilai persetujuan yang baik atau sebaliknya daripada pakar penilai. Sehubungan itu, Praujian pengekodan data untuk keperluan kajian ini telah dilakukan sebelum analisis kandungan ke atas 100 artikel dalam portal berita. Enam orang pelajar sarjana dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah dipilih untuk membantu dalam ujian kebolehpercayaan antara juru kod. keenam-enam juru kod berkenaan telah dilatih oleh pengkaji untuk menggunakan borang kodan dengan membuat satu salinan contoh untuk setiap seorang juru kod. Sehubungan itu, keputusan kebolehpercayaan melebihi 0.75 dianggap boleh dipercayai dan boleh diterima dalam ujian kebolehpercayaan (Cohen, 1960). Justeru, Pra ujian ini memperlihatkan instrumen yang digunakan boleh digunakan berdasarkan ujian kebolehpercayaan.

#### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, sepanjang 15 hari tempoh kempen Umum ke 15 sebanyak 5456 artikel dalam pelbagai bentuk berita, rencana, komentar, surat pengarang dan ucapan yang telah dipaparkan oleh 12 organisasi berita yang dikaji. Hampir keseluruhan organisasi berita memamerkan artikel dalam bentuk berita (91.7 peratus) berbanding bentuk penulisan komentar sebanyak (0.1 peratus) (Jadual 1). Pelaporan berita yang disiarkan oleh The Star Online mencatatkan berita pilihan raya tertinggi iaitu 965 artikel berita (17.8 peratus), diikuti Free Malaysia Today Online (13.2 peratus) manakala The Malay Mail hanya mencatatkan 66 artikel berita (1.2 peratus) sepanjang pilihan raya. (Jadual 2). Artikel dalam berita The Star banyak menyiar artikel dalam bentuk berita berbanding dengan rencana dan ucapan yang dilihat cuba untuk memberikan berita yang bermutu bagi meriah pembaca untuk melihat berita yang dipaparkan.

Jadual 1: Jenis penulisan artikel berita


	N	Peratus
Berita	4975	91.7
Rencana	191	3.5
Komentar	4	.1
Surat Pengarang	185	3.4
Ucapan	71	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>5426</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2: Jumlah kumulatif sampel berita portal sepanjang Pilihan Raya Umum 15


Medium Berita	N	Peratus
MalaysiaKini	308	5.7
Astro Awani Online	527	9.7
The Star	965	17.8
Berita Harian Online	365	6.7
Harian Metro Online	564	10.4
Sinar Harian Online	428	7.9
Free Malaysia Today	716	13.2
Utusan Malaysia Online	296	5.5
Radio Televisyen Malaysia	294	5.4
Bernama Online	545	10.0
The Malay Mail	66	1.2
The Malaysian Insight	352	6.5
<b>Jumlah</b>	<b>5426</b>	

#### *Arah Berita Dalam Talian*

Hasil analisis kandungan keseluruhan menunjukkan bahawa portal dalam talian adalah secara amnya liputan berita terarah kerajaan sebanyak 43.5 peratus, manakala arah bukan kerajaan 18.4 peratus dan Neutral 38.2 peratus (Rajah 1). Ini menunjukkan bahawa paparan berita banyak dilaporkan berkaitan informasi kerajaan, walaubagaimanapun, ia diseimbangkan dengan berita yang tidak berpihak kepada mana-mana parti. Ini adalah kerana ke semua portal berita yang dianalisis berlainan latar belakang pemilikan samada terdiri dari parti politik kerajaan, pembangkang dan orang perseorangan.



Rajah 1: Arah berita portal sepanjang Pilihan Raya Umum ke 15




Rajah 2: Kekerapan arah mengikut portal berita dalam talian Malaysia

Rajah 2 menunjukkan bahawa The Star Online merupakan agensi berita yang paling terarah terhadap kerajaan yang mana semasa tempoh pilihan raya ini dinaungi oleh Barisan Nasional berbanding organisasi berita yang dikaji dengan 21.1 peratus tertumpu ke arah kerajaan, diikuti Free Malaysia Today Online (14.8 peratus) dan Astro Awani Online (9.2 peratus). Manakala agensi berita Free Malaysia Today Online yang memberikan liputan berita ke arah bukan kerajaan sebanyak 20.8 peratus, diikuti The Star Online (18.0 peratus) dan MalaysiaKini (12.2 peratus). Dalam penelitian arah berita, neutral atau tidak berpaksi kepada mana-mana pihak turut diberi penekanan yang mana boleh dilihat Harian Metro Online mencatatkan 16.1 peratus, diikuti The Star Online (13.9 peratus) dan Bernama Online (12.4 peratus). Di sini dapat dicadangkan bahawa akhbar berdasarkan latar belakang bahasa tidak dapat menggambarkan kecenderungan bias sebagaimana yang dicadangkan oleh Mohd Azizuddin (2014) yang menyatakan akhbar melayu berpaksikan kepada kerajaan. Ini adalah kerana jelas disini, kepelbagaian akhbar berbahasa Inggeris iaitu The Star Online cenderung melaporkan berita ke arah kerajaan berbanding akhbar lain.

Liputan berita yang dipaparkan dalam tempoh Pilihan Raya Umum ke 15 telah menawarkan kepelbagaian berita dan pandangan mengenai semua parti dan calon yang umum menyokong kepada tuntutan daripada organisasi berita masing-masing. Arah berita dilihat untuk menjelaskan imej dan misi kewartawan liberal klasik untuk menyediakan rakyat dengan maklumat mereka perlu bebas dan mentadbir sendiri. Agensi berita The Star Online, Berita Harian Online, Sinar Harian Online, The Malay Mail Online, The Malaysian Insight Online dan Free Malaysia Today (FMT) memaparkan berita berkaitan dengan informasi kerajaan manakala MalaysiaKini lebih banyak melaporkan informasi berkaitan dengan bukan kerajaan. Data ini dilihat berbeza dengan kajian oleh Wong (2017) yang menjelaskan The Malaysian Insight terarah mengkritik kerajaan berbanding dengan kajian sekarang yang lebih terarah kepada kerajaan. Ini berkemungkinan faktor kepada ketidakstabilan polemik politik negara ketika berlangsungnya

pilihan raya ini. Walaubagaimanapun, agensi berita seperti Astro Awani, Harian Metro, Utusan Harian, Radio Televisyen Malaysia dan Bernama mengambil pendekatan untuk memberikan berita yang tidak berpihak kepada mana-mana pihak. Pendekatan yang diambil oleh agensi berita yang lebih neutral memperlihatkan agensi yang terlibat ini mengambil langkah keterbukaan dalam memberikan maklumat. Sehubungan itu, hasil kajian ini adalah selari dengan disokong oleh Lumsden (2013) serta Azahar dan Mohd Azizuddin (2016) yang menjelaskan portal berita di bawah naungan kuasa kerajaan secara jelas akan memaparkan berkaitan dengan kerajaan manakala agensi yang tidak berpaksikan kepada kerajaan memaparkan berita dari sudut pembangkang. Ainis dan Mohd Azizuddin (2021) menjelaskan walaupun terdapat agensi berpaksikan kerajaan tetapi masih melaporkan berita arah bukan kerajaan secara positif. Oleh itu, semua agensi berita ini dapat dilihat memberikan kepelbagaiannya berita dan pandangan terutama dalam isu-isu pentadbiran, isu sosial, isu ekonomi dan isu keselamatan bertepatan dengan keadaan keceluaran politik dan ketidakstabilan ekonomi di Malaysia.

Selain daripada arah berita yang dapat diketengahkan oleh organisasi berita, analisis kandungan berita turut memberi gambaran arah berita. Kandungan berita ini boleh menggambarkan arah penulisan berita yang disiarkan. Kandungan berita terdiri daripada kerajaan, pembangkang, perseorangan dan badan NGO. Kandungan berita yang memaparkan perseorangan adalah berdasarkan kepada persepsi terhadap aktor dalam pilihan raya. Manakala perihal badan NGO adalah berkisarkan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat sepanjang pilihan raya. Kandungan berita yang memaparkan informasi kerajaan dan orang perseorangan disiarkan oleh The Star Online iaitu (16.0 peratus) dan (25.3 peratus) (Rajah 3). Manakala kandungan yang memaparkan pembangkang banyak di paparkan oleh Free Malaysia Today (20.5 peratus) dan Harian Metro Online banyak memaparkan kandungan badan NGO (39.4 peratus). Ini menunjukkan liputan portal berita dalam talian arus perdana mengetengahkan pelaporan berkaitan dengan kerajaan berbanding dengan portal berita bebas yang ada memaparkan kepelbagaiannya laporan berkaitan pembangkang dan orang perseorangan serta NGO. Abbott (2011) menjelaskan bahawa kandungan sesuatu berita ini mampu memberi impak kepada bias dalam sesebuah penulisan berita. Ini adalah kerana pemilihan watak dalam kandungan berita samada diteliti secara positif atau negatif ini boleh memberi impak kepada kejelasan arah dalam sesuatu berita. Secara jelas, memberi gambaran bahawa portal berita bebas memberikan informasi berita dalam pelbagai dimensi bagi menjelaskan berita yang dipaparkan oleh berita arus perdana dan menambah sedikit keseimbangan berita pilihan raya. Sehubungan itu, gabungan variasi informasi berkaitan kerajaan dan bukan kerajaan ini membawa kepada pandangan yang berbeza yang akan membentuk politik Malaysia kearah yang lebih sihat. Ini boleh memberi peluang kepada orang ramai untuk meneliti dan membuka ruang untuk orang ramai untuk menilai hegemoni politik Malaysia.



Rajah 3: Kandungan portal berita dalam talian Malaysia

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa liputan berita ke atas kedua-dua set portal berita dalam talian memaparkan imej organisasi berita masing-masing dimana pelaporan media arus perdana mendominasi berita arah kerajaan manakala media alternatif Malaysiakini memaparkan arah bukan kerajaan. Paparan arah media berat sebelah jelas menunjukkan bahawa walaupun terdapat 2 paksi kerajaan dan bukan kerajaan, ia memberikan satu indikasi terhadap kebebasan dan demokrasi dalam membincarakan soal politik di kalangan masyarakat. Selain itu, kepelbagaiannya sudut pandang dari pelbagai penulisan agensi berita boleh menambah baik dan melengkapi informasi untuk kedua-dua parti kerajaan dan bukan kerajaan. Untuk penambahbaikan dalam kajian bias ini, adalah dicadangkan supaya konsep bias media ini boleh digunakan dalam isu lain selain pilihan raya yang jelas memaparkan pegangan organisasi itu sendiri. Selain itu, kajian ini mungkin boleh diteruskan dengan menganalisis berita dalam bahasa Tamil dan Bahasa Cina serta akhbar tempatan lain di Malaysia. Justeru, medium media baharu perlu dititikberatkan memandangkan medium ini menjadi satu alat transformasi yang mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat dalam memperkatakan berkaitan dengan hegemoni politik Malaysia.

### PENGHARGAAN

Artikel ini diterbitkan hasil kajian daripada geran FRGS (kod: FRGS/1/2020/SS0/02/32). Tajuk kajian adalah *Pembinaan Peta Bias Media bagi Akhbar Dalam Talian di Malaysia*.

### BIODATA

*Suhana Saad* adalah pelajar pascasiswazah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: p108827@siswa.ukm.edu.my

*Shahrul Nazmi Sannusi* adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: nazmy@ukm.edu.my

#### RUJUKAN

- Abbott, J., & Givens, J. W. (2015). Strategic censorship in a hybrid authoritarian regime? Differential bias In Malaysia's online and print media. *Journal of East Asian Studies*, 15(3), 455–478.
- Abbott, J. P. (2011). Electoral authoritarianism and the print media in Malaysia: Measuring political bias and analyzing its cause. *Asian Affairs: An American Review*, 38(1), 1-38.
- Abdesselam, Z. (2017). Online journalism changing public mindset and its impact on the political scenario (in Malaysia). *Journal of Education and Social Sciences*, 8(1), 185–192.
- Agirdas, C. (2015). What drives media bias? New evidence from recent newspaper closures. *Journal of Media Economics*.
- Ainis Azreen Rosli, & Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2021). Media framing on 2018 general election: A comparative content analysis on newspapers coverage toward political parties in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 220–236.
- Azahar Kasim, & Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2016). The 2013 General Elections in Malaysia: An analysis of online news portals. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 37(2), 119–125.
- Bahiyah Omar Sadollah Ahrari. (2020.) Mainstream and non mainstream media in Malaysia: Does lack of credibility lead to displacement? *Newspaper Research Journal*, 41(2), 127–145.
- Barrett, A. W., & Barrington, L. W. (2005). Bias in newspaper photograph selection. *Political Research Quarterly*.
- Bryman, A. (2012). *Social research methods* (4th ed.). Oxford University Press.
- Budak, C., Goel, S., & Rao, J. M. (2016). Fair and balanced? Quantifying media bias through crowdsourced content analysis. *Public Opinion Quarterly*, 80(S1), 250-271.
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 20(1), 37-46.
- Coleman, R., & Banning, S. (2006). Network TV news' affective framing of the presidential candidates: Evidence for a second-level agenda-setting effect through visual framing. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 83(2), 313-328.
- Cushion, S., & Thomas, R. (2019). From quantitative precision to qualitative judgements: Professional perspectives about the impartiality of television news during the 2015 UK General Election. *Journalism*, 20(3), 392-409.
- Entman, R. M. (2007). Framing bias: Media in the distribution of power. *Journal of Communication*, 57(1), 163-173.
- Faridah Ibrahim. (2003). Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia: Antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri. *Jurnal Komunikasi*, 19(1), 59-78.
- Fong, Y. L., Ponnan, R., & De Rycker, A. (2020). Different countries, different perspectives: A comparative analysis of the South China Sea disputes coverage by Malaysian and Chinese newspapers. *China Report*, 56(1), 39-59.
- Garz, M. (2014). Good news and bad news: Evidence of media bias in unemployment reports. *Public Choice*, 161(3-4), 499-515.
- Gerth, M. A., & Siegert, G. (2012). Patterns of consistence and constriction: How news media frame the coverage of direct democratic campaigns. *American Behavioral Scientist*, 56(3), 279-299.

- Goncalves, J. (2017). Status Quo Bias in the Mainstream American Media Coverage of Senator Bernie Sanders. *SUURJ: Seattle University Undergraduate Research Journal*, 1(6).
- Gentzkow, M., Shapiro, J. M., & Stone, D. F. (2015). Media bias in the marketplace: Theory. In, *Handbook of media economics* (Vol. 1, pp. 623-645). North-Holland.
- Gomez, J. (2014). Media and elections in Asia: The changing role in coverage and control. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 1–5.
- Grabe, M. E., & Bucy, E. P. (2009). *Image bite politics: News and the visual framing of elections*. Political Psychology.
- Hamdan Adnan. (1990). Development and trends in Malaysian rural media. *Jurnal Komunikasi*, 6, 71-78.
- Hamborg, F., Donnay, K., & Gipp, B. (2019). Automated identification of media bias in news articles: an interdisciplinary literature review. *International Journal on Digital Libraries*, 20(4), 391-415.
- Hehman, E., Gruber, E. C., Hoffman, L. H., & Gaertner, S. L. (2012). Warmth and competence: A content analysis of photographs depicting American presidents. *Psychology of Popular Media Culture*, 1(1), 46-52.
- Hölig, S., Hasebrink, U., & Behre, J. (2019). *Reuters institute digital news report 2019*. Ergebnisse für Deutschland. Arbeitspapiere des Hans-Bredow-Instituts.
- Kenney, K., & Simpson, C. (1993). Was coverage of the 1988 presidential race by Washington's two major dailies biased?. *Journalism Quarterly*, 70(2), 345-355.
- Klepka, R. (2019). Media political bias: In search of conceptualization. *Athenaeum. Polskie Studia Politologiczne*, 64, 155-168.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage publications.
- Lichter, S. R. (2017). Theories of media bias. In K. Kenski & K. H. Jamieson (Eds.), *The Oxford handbook of political communication* (Chap. 29, pp. 403-416). New York: Oxford University Press.
- Lumsden, L. J. (2013). How independent? An analysis of GE13 coverage by Malaysia's online news portal coverage. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 1-30.
- McLuhan, M., & Powers, B. R. (1989). *The global village: Transformations in world life and media in the 21st century*. Communication and Society.
- McQuail, D. (2007). *Media, Regulation of*. The Blackwell Encyclopedia of Sociology.
- Mullainathan, S., & Shleifer, A. (2005). The market for news. *American Economic Review*, 95(4), 1031-1053.
- Muhammad Izawan Baharin, & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2020). Framing analyses of malaysias media outlets and editorial decisions concerning frame preferences after the 2008 General Election. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 28(2).
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2014). Malaysia's 13th general election: Political partisanship in the mainstream print media. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 61-75.
- Neuendorf, K. A., & Skalski, P. D. (2009). Quantitative content analysis and the measurement of collective identity. In R. Abdelal (Ed.), *Measuring identity: A guide for social scientists* (pp. 203-236). Cambridge.
- Newman, N., Fletcher, R., Schulz, A., Andi, S., & Nielsen, R. K. (2020). *Reuters Institute digital news report 2020*. Reuters Institute for the study of Journalism.

- Nur Ellyanis Mohd Basori, & Junaidi Awang Besar. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(5), 62–80.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis penyelidikan dan statistik*. Universiti Putra Malaysia.
- Puglisi, R., & Snyder Jr, J. M. (2015a). Empirical studies of media bias. In, *Handbook of media economics* (Vol. 1, pp. 647-667). North-Holland.
- Puglisi, R., & Snyder Jr, J. M. (2015b). The balanced US press. *Journal of the European Economic Association*, 13(2), 240-264.
- Qin, B., Strömberg, D., & Wu, Y. (2018). Media bias in China. *American Economic Review*, 108(9), 2442-2476.
- Salkind, N. J. (2012). *Encyclopedia of research design*. SAGE Publications.
- Sannusi, S. N., & Mustaffa, N. (2015). Digital version newspaper: Implication towards printed newspaper circulation in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 687–701.
- Siti Noraniza Hafizah Boyman. (2021). Pilihan raya negeri melaka 2021: Cerminan pilihan raya umum 15?. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 48(3).
- Waldman, P., & Devitt, J. (1998). Newspaper photographs and the 1996 presidential election: The question of bias. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 75(2), 302-311.
- Wong Kok Keong. (2001). Unfair coverage: A look at the mainstream media's bias in the 1999 general Election. *Aliran Monthly*, 2(1), 15-17.
- Wong Kok Keong. (2004). Asian-based development journalism and political elections: Press coverage of the 1999 general elections in Malaysia. *Gazette (Leiden, Netherlands)*, 66(1), 25-40.
- Wong Kok Keong. (2017). Whither objective journalism in digital age: Malaysia's mainstream versus alternative media. *Media Watch*, 8(1).